



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2014

KEMASUKAN MAKLUMAT KEWANGAN TERAUDIT KE DALAM MODUL KEWANGAN SISTEM APLIKASI *ONLINE* SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 (Akta) yang menghendaki koperasi memasukkan maklumat kewangan teraudit ke dalam Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online* Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya).

LATAR BELAKANG

2. Maklumat prestasi kewangan sesebuah koperasi adalah penting untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan pemantauan dan pengawalseliaan dengan lebih cekap dan berkesan seiring dengan arus kepesatan dan transformasi ekonomi Negara. Maklumat ini juga boleh digunakan untuk menentukan lanskap gerakan koperasi ke arah memantapkan lagi kestabilan dan kelestariannya.

3. Menurut perenggan 14(1)(c) Akta, tiap-tiap koperasi hendaklah menyerahkan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya berkenaan dengan penubuhan, keanggotaan, pengendalian dan keadaan kewangan koperasi itu, termasuk minit mesyuarat Lembaga.

4. Bagi maksud tersebut, Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online* telah dibangunkan supaya koperasi dapat melaporkan maklumat kewangan teraudit kepada Suruhanjaya dengan lebih pantas, tepat dan sistematik.

KAEDAH PELAKSANAAN

5. Bermula daripada tarikh kuatkuasa surat pekeliling ini, semua koperasi dikehendaki melaporkan maklumat kewangan terauditnya bagi setiap tahun kewangannya dengan menggunakan Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online*.

6. Koperasi dikehendaki melayari laman sesawang Suruhanjaya di **www.skm.gov.my** dan memilih pautan Perkhidmatan Atas Talian bagi tujuan memasukkan maklumat kewangan teraudit ke dalam Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online* dengan mencipta kata laluan baharu atau menggunakan kata laluan sedia ada.

7. Koperasi hendaklah memastikan maklumat kewangan terauditnya dimasukkan ke dalam Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online* dalam tempoh lima belas hari selepas koperasi menerima penyata kewangan teraudit daripada juruaudit yang dilantik.

8. Bagi mempermudah pelaksanaan memasukkan maklumat kewangan teraudit ke dalam modul tersebut, koperasi boleh menggunakan perkhidmatan juruaudit berkenaan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA


9. Suruhanjaya boleh mengambil tindakan sebagaimana peruntukan di bawah perenggan 14(2)(a) dan 14(2)(b) Akta ke atas mana-mana koperasi yang gagal untuk mematuhi Surat Pekeliling ini.

10. Surat Pekeliling ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **10 April 2014**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1MALAYSIA"

"RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"



(DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

10 April 2014